

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : AKTIVITI-AKTIVITI JUDI HARAM**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan yang telah Kerajaan Negeri Selangor ambil untuk membasmi aktiviti-aktiviti judi haram yang dijalankan di kawasan komersial.

**JAWAPAN:**

**Tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk membasmi aktiviti perjudian haram.**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memandang serius terhadap aktiviti-aktiviti dan operasi judi haram di negara ini khususnya di kawasan-kawasan komersial. Oleh yang demikian pihak PDRM sentiasa fokus dan komited membuat pemantauan di kawasan dan premis-premis komersial yang disyaki terbabit dalam kegiatan judi haram ini daripada berleluasa.

Antara usaha yang dilakukan oleh PDRM adalah membuka **bilik gerakan khas perjudian** di pejabat **Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) D7 Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Selangor** yang **beroperasi 24 jam** bagi memudahkan orang awam menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan judi haram ini secara langsung. Selain itu PDRM juga sentiasa melakukan pemantauan dan operasi di seluruh kontinjen terutama pusat snooker, pusat hiburan, karaoke dan lain-lain.

Selain itu, PDRM juga sentiasa mempertingkatkan kerjasama secara bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Jabatan Agama Islam dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengekang aktiviti ini dari terus aktif.

PDRM memberi amaran dan tindakan tegas akan diambil kepada sesiapa yang terlibat seperti didakwa di bawah **Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953** dan **Seksyen 6(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953**. Bukan itu sahaja, mereka yang terlibat juga boleh diambil tindakan di bawah Undang-Undang Pencengahan sepanjang tempoh 1 Januari – 31 Julai 2018 sebanyak 1,253 serbuan dibuat ke atas premis perjudian online, sebanyak 690 serbuan dibuat ke atas perjudian loteri awam haram .

Sesungguhnya, PDRM amat memandang serius kenyataan daripada pelbagai pihak yang mempertikaikan kesungguhan dan keberkesanan tindakan PDRM dalam membanteras aktiviti judi haram daripada terus berluasa sedangkan PDRM amat komited dalam menangani hal ini .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK AHLI DEWAN NEGERI PARTI PEMBANGKANG**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah peruntukan yang akan diberi kepada Ahli Dewan Negeri Selangor Parti Pembangkang?
- b) Bila Parti Pembangkang diberi peruntukan?
- c) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah digunakan oleh Ahli Dewan Negeri Selangor Parti Pembangkang sejak diberi peruntukan.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : CAGARAN PEMASANGAN IKLAN DAN PEMBERSIHAN PILIHANRAYA**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapa jumlah cagaran yang telah PBT kutip untuk pembersihan pilihanraya.
- b) Nyatakan parti dan calon yang telah gagal menuntut cagaran dengan sebab.

**JAWAPAN:**

a) & b) PBT:MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PERKARA	PAKATAN HARAPAN	BARISAN NASIONAL	PARTI ISLAM Se-MALAYSIA (PAS)	BEBAS	PRM
JUMLAH CAGARAN	43,000.00	43,000.00	26,000.00	4,000.00	5,000.00
JUMLAH TIDAK MENUNTUT (Nama Calon)	12,000.00	16,000.00	-	-	
<i><b>Cagaran pilihanraya itu tidak dituntut oleh calon.</b></i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dr. Shahrudin Bin Badaruddin</li> <li>2. Wong Keat Ping Shatiri Bin Mansor</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yusoff Bin M Hanif</li> <li>2. Abdul Mutalif Bvin Abdul Rahim</li> <li>3. Syed Abdul Razak Bin Syed Long Al Saffoff Amiruddin Bi Muhammad Dunia</li> </ol>			

**MBPJ** mengenakan kadar **RM1,000** bagi cagaran iklan pilihan raya dan **RM3,000** bagi pembersihan untuk **DUN** manakala **RM2,000** bagi cagaran iklan pilihan raya dan **RM3,000** bagi pembersihan untuk **Parlimen**

**Jumlah kutipan keseluruhan *RM 121,000.00***

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	MOHAMAD BIN SABU	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
2.	GUNARAJAH A/L GEORGE	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
3.	RAJAN A/L MANIKESAVAN	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
4.	MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
5.	AZHAR BIN SHAARI	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
6.	KHALID BIN ABDUL SAMAD	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
7.	JUMAEAH BINTI MASDI	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
8.	MOHD NAJWAN BIN HALIMI	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
9.	AHMAD MUA'ADZAM SHAH BIN YA'AKOP	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
10.	SIVARASA A/L RASIAH	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
11.	DATUK HAJI ZEIN ISMA BIN HAJI ISMAIL	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
12.	PAKAS RAO A/L APPLANAIDOO	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
13.	MOHD KAHIRUDDIN BIN OTHMAN	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
14.	HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
15.	SHATIRI BIN MANSOR	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
16.	V.GUNALAN A/L VELU	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
17.	GANABATIRAU A/L VERAMAN	PKR	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
18.	KAMARUZZAMAN BIN JOHARI	BN	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
19.	MOHD YUSOF BIN ABDULLAH	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
20.	MOHAMED DIAH BIN BAHARUN	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
21.	ABDUL HALIM BIN OMAR	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
22.	MOHD ZUHDI BIN MARSUKI	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
23.	AHMAD DUSUKI BIN ABD RANI	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN
24.	NURIDAH BINTI MOHD SALLEH	PAS	GAGAL MENURUNKAN BAHAN KEMPEN DALAM DIBERIKAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	DR SHAHARUDDIN BIN BADARUDDIN	PAS	TIADA TUNTUTAN
2.	WONG KEAT PING	PKR	TIADA TUNTUTAN
3.	SHATIRI BIN MANSOR	PAS	TIADA TUNTUTAN
4.	YUSOFF BIN M. HANIF	PKR	TIADA TUNTUTAN
5.	ABDUL MUTALIF BIN ABDUL RAHIM	BN	TIADA TUNTUTAN
6.	SYED ABDUL RAZAK BIN LONG AL SAFOFF	PKR	TIADA TUNTUTAN
7.	AMIRUDDIN BIN MUHAMMAD DUNIA	BN	TIADA TUNTUTAN

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	CHARLES ANTHONY R SANTIAGO	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
2.	MOHD FAKHRULRAZI MOHD MOKHTAR	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN



<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
3.	DR. DAROYAH ALWI	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
4.	DATUK ABDUL RASHID ASARI	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
5.	SARONI JUDI	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
6.	SEIKH RAJESH SEIKH AHMAD	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
7.	R SUBRAMANIAM	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
8.	MOHAMED DIAH BAHARUN	PAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
9.	KAHLIS NAYAN	PAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
10.	M.RAJAN	PAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
11.	ZAINAL AZWAR KAMARUDDIN	BEBAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
12.	AZMIZAM ZAMAN HURI	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
13.	DR. G GUNARAJ	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
14.	MAT SHUHAIMI SHAFIEE	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	GOBIND SINGH DEO	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
2.	MOHAMAD SATIM BIN DIMAN	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
3.	SYED HAZIZUL BIN SYED ISME	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	DATUK ABDUL RAHIM KAMARUDIN	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI
2.	LEONG KIM SOON	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI
3.	LEONG KOK WEE	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI
4.	ISMAIL BIN AHMAD	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
5.	SALWA HJ YUNUS	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI
6.	MUHAMAD NIZAM	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI
7.	DATUK HAJI HANIFF BIN KOSLAN	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI
8.	BEN LIEW POK BOON	BN	GAGAL MENGALIHKAN IKLAN UNDI DALAM 14 HARI

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	WILLIAM LEONG JEE KEEN	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
2.	ANUAR BIN ABD RAHMAN	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
3.	CHUA WEI KIAT	PKR	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
4.	BADUL RAHIM BIN PANDAK KAMARUDIN	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
5.	AZMI BIN HASSAN	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
6.	RAWISANDARAN A/L NARAYANAN	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
7.	SYED ABDUL RAZAK BIN SYED LONG ALSAGOFF	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
8.	MEGAT ZULKARNAIN BIN OMARDIN	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
9.	CHAN WUN HOONG	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
10.	ABDUL SHUKUR BIN IDRUS	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
11.	KAHIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN	PAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
12.	HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN	PAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
13.	MOHAMMAD BIN IBRAHIM	PAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
14.	BADRUS HISMA BIN MD ZIN	BEBAS	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL.	CALON	PARTI	SEBAB/ALASAN
1.	JOHAN BIN ABD AZIZ	BN	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
2.	ARUTHELVAN A/L SUBRAMANIAM	PARTI SOSIALIS MALAYSIA	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
3.	BAKHTIAR BIN MOHD NOR	PKR	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
4.	RAZALY BIN HASSAN	PAS	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
5.	EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF	PKR	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
6.	MOHD ZIN BIN ISA	BN	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
7.	HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS	PKR	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
8.	ZAINUDIN BIN MD TAHIR ( <i>ABDUL RAHIM BIN MOHD AMIN</i> )	BN	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
9.	GOH SWEE LIANG ( <i>LIEW YUEN KEONG</i> )	BN	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
10.	AZMAN BIN AHMAD	BN	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
11.	CHE ROSLI BIN CHE MAT	PAS	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
12.	CHAN HUAN GUAN <i>(ONG KIAN MING)</i>	PKR	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
13.	MUHAMMAD FAUZI BIN HASIM <i>(MAZWAN BIN JOHAR)</i>	PKR	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
14.	HAMIDI BIN A HASAN <i>(HEE LOY SIAN)</i>	PKR	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
15.	LOH LAI KUEN <i>(TEH YEOH MENG)</i>	BN	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN
16.	HASAN FIKRI <i>(NUSHI BIN MAHFODZ)</i>	PAS	TIDAK MENURUNKAN BAHAN KEMPEN

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	DATO' DR KARIM MANSOR	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
2.	SHAHRUM BIN MOHD SHARIF	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN
3.	DATO' NG CHOK SIN	BN	TIDAK HADIR UNTUK MENUNTUT CAGARAN

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM	PKR	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
2.	MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN	PKR	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
3.	ADHIF SYAN BIN ABDULAH	PKR	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
4.	LAU WENG SAN	PKR	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
5.	MOHD HAMIDI BIN ABU BAKAR	PKR	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
6.	KARIM BIN MANSOR	BN	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
7.	SHARUM BIN MOHD SHARIF	BN	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
8.	MARSUM BIN PAING	BN	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
9.	SHHRIL SUFIAN BIN HAMDAN	BN	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
10.	ROZANA BINTI KAMARULZAMAN	BN	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
11.	SULAIMAN BIN MOHD KARLI	BN	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
12.	SBAIRIN BIN MARSONO	PAS	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP
13.	TAN CHOON SWEE	BEBAS	TUNTUTAN TIDAK LENGKAP

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

<b>BIL.</b>	<b>CALON</b>	<b>PARTI</b>	<b>SEBAB/ALASAN</b>
1.	DR. HJ. DZULKEFLY AHMAD	PKR	TIADA TUNTUTAN
2.	IDRIS BIN AHMAD	PKR	TIADA TUNTUTAN
3.	MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN	PKR	TIADA TUNTUTAN
4.	IR MOHIZAM BIN IBRAHIM	BN	TIADA TUNTUTAN
5.	TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR	BN	TIADA TUNTUTAN
6.	PAKAS RAO A/L APPKANAISSO	BN	TIADA TUNTUTAN
7.	DATO HAJI SHAMSUDIN BIN LIAS	BN	TIADA TUNTUTAN
8.	JAKIRAN BIN JACOMAH	BN	TIADA TUNTUTAN
9.	PARTHIBAN A/L KARUPPIAH	BN	TIADA TUNTUTAN
10.	ZAHAR AZLAN BIN ARIFIN	BN	TIADA TUNTUTAN



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : BENCANA ALAM**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bencana alam yang telah berlaku pada tahun 2017-2018.
- b) Nyatakan kos, masa dan tindakan yang telah ambil atas kejadian bencana alam.
- c) Nyatakan SOP penyelesaian kejadian bencana alam yang melibatkan nyawa dan tidak melibatkan nyawa.

**JAWAPAN:**

a) Statistik Bencana Alam yang telah berlaku pada tahun 2017 dan tahun 2018:

JENIS BENCANA	KEKERAPAN	
	TAHUN 2017	TAHUN 2018 (*sehingga Ogos 2018)
<b>BANJIR</b>	90	10
<b>BANJIR KILAT</b>	226	123
<b>KEBAKARAN</b>	90	92
<b>TANAH RUNTUH</b>	28	9
<b>RIBUT</b>	57	51
<b>AIR PASANG BESAR</b>	47	0

b) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah wang ihsan dan kos operasi yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor mengikut daerah dan tahun adalah seperti jadual berikut:

i) Sumbangan Wang Ihsan bagi tahun 2017 dan tahun 2018:

DAERAH	2017 (RM)	2018 (RM) (*sehingga Ogos 2018)
<b>HULU SELANGOR</b>	75,968.55	108,346.28
<b>SABAK BERNAM</b>	103,834.59	14,519.08
<b>KUALA SELANGOR</b>	77,880.99	27,500.00
<b>KLANG</b>	226,384.98	9,500.00
<b>PETALING</b>	36,680.80	33,100.00

DAERAH	2017 (RM)	2018 (RM) (*sehingga Ogos 2018)
HULU LANGAT	367,500.00	114,250.00
GOMBAK	251,813.69	57,013.25
KUALA LANGAT	42,430.80	3,750.00
SEPANG	75,035.16	43,250.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1,257,529.56</b>	<b>411,228.61</b>

ii) Kos Operasi bagi tahun 2017 dan tahun 2018:

DAERAH	2017 (RM)	2018 (RM) (*sehingga Ogos 2018)
HULU SELANGOR	91,970.95	-
SABAK BERNAM	95,770.78	40,922.66
KUALA SELANGOR	28,745.00	26,228.00
KLANG	43,716.00	25,759.17
PETALING	65,173.50	22,622.00
HULU LANGAT	49,773.83	-
GOMBAK	79,839.80	15,497.80
KUALA LANGAT	497,877.09	17,802.91
SEPANG	63,900.54	4,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1,016,767.49</b>	<b>152,832.54</b>

Penyelarasan pengurusan bencana dari segi bantuan dan teknikal bersama semua agensi yang berkaitan perlu diselaraskan dalam tempoh 24 jam daripada tempoh berlakunya sesuatu bencana.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah menyediakan pelan tindakan menghadapi bencana alam melalui *Smart Disaster Management* di bawah inisiatif Smart Selangor dengan kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)*. Perincian pelan tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan *Smart Selangor Command Centre (SSCC)* oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor melalui kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)* dan Menteri Besar (Pemerbadanan) yang memantau parameter dan petunjuk cuaca.
- ii. Pemantauan Satelit dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM).
- iii. Pemantauan udara melalui *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)* secara berkala di kawasan berisiko bencana.

v. Pemantauan Peta Bahaya Risiko Cerun (PBRC) melalui sistem NatSIS dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia kepada Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan bertanah tinggi melalui teknologi LiDAR dan satelit.

vi. Pelaksanaan *Working Group* bagi menilai risiko dan merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang berdasarkan penilaian risiko, analisis data dan parameter cuaca.

vii. Pengukuhan aset dari semasa ke semasa.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2013 bertarikh 2 Oktober 2013 berfungsi sebagai pasukan Bantuan Awalan dan Kecemasan.

c) Berdasarkan Lampiran J dan K, Arahan No. 20 (semakan semula) Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Garis panduan dalam pengendalian kejadian bencana adalah seperti berikut :

## **LAMPIRAN J**

### **GARIS PANDUAN DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA**

1. Apabila mendapat laporan mengenai kejadian sesuatu Bencana sama ada daripada orang awam, media atau Pusat Kawalan PDRM (DCC, CCC ataupun MCC, yang mana berkaitan), pihak PDRM yang bertanggungjawab di kawasan kejadian bencana tersebut hendaklah dengan secepat mungkin menuju ke tempat kejadian untuk membuat penilaian tahap Bencana yang berlaku.
2. Pada masa yang sama, Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan pengendalian Bencana juga hendaklah menuju ke tempat kejadian dan bersedia untuk bertindak apabila diperintahkan berbuat demikian oleh Komander Operasi Bencana.
3. Ketua Polis Daerah atau Ketua Polis Negeri atau Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, PDRM yang mana berkaitan mengikut peringkat pengendalian Bencana hendaklah membuka PKTK dengan dan bertindak sebagai Komander Operasi Bencana mengikut peringkat pengendalian Bencana.

4. Komander Operasi Bencana hendaklah menyelaras segala tindakan yang diambil oleh Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan operasi mencari dan menyelamatkan dan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa Bencana.
5. Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan digerakkan pada masa yang sama mengikut peringkat pentadbiran pengendalian Bencana, bagi menyelaras, mengawasi serta melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan serta lain-lain bantuan kecemasan dalam mengurus Bencana yang berlaku.
6. Komander Operasi Bencana hendaklah melaporkan dari semasa ke semasa keadaan Bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang bersidang di PKOB untuk mendapatkan bantuan dan sebagainya.
7. Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan dan lain-lain bantuan kecemasan di tempat kejadian Bencana hendaklah menjalankan tugas mengikut pembahagian tugas serta

LAMPIRAN K

GARIS PANDUAN – CARTA ALIRAN  
 FASA PERGERAKAN  
 DALAM PENGENDALIAN KEJADIAN BENCANA



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : GARIS KEMISKINAN SELANGOR**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kadar garis kemiskinan terkini Negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah cara kadar ini dikira menjadi pertimbangan Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

Jawapan (a) dan (b)

Kemiskinan merupakan isu/ perkara yang kompleks serta perlu dilihat dari pelbagai dimensi/ aspek. Namun begitu, di Malaysia, secara tradisinya, kemiskinan diukur dalam satu dimensi, iaitu menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merupakan pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatannya kurang daripada PGKnya.

Usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan dan keadaan sosio ekonomi untuk berhijrah keluar daripada kitaran kemiskinan.

Untuk itu, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor yang terkini adalah RM1,500 seisi rumah. Ini adalah berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2016 bertarikh 7 Disember 2016 bersetuju bahawa PGK Negeri Selangor dikekalkan pada paras RM1,500.00 seisi rumah. PGK Selangor ini juga dilihat lebih realistik dan bersesuaian dengan senario ekonomi semasa. Terdahulu, PGK RM1,500 seisi rumah ini mula digunapakai sejak tahun 2009 berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 1/2009 pada 7 Januari 2009. Keputusan ini adalah berasaskan Laporan Audit Bantuan Dana Nelayan Negeri Selangor dan Cadangan Penambahbaikan Dana Nelayan, Petani dan Penternak.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BILANGAN PEMAJU PERUMAHAN DI DUN PERMATANG**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah syarikat pemaaju perumahan / hartanah yang telah diberikan Kelulusan Merancang (KM) di DUN Permatang sejak 3 tahun yang lalu?

**JAWAPAN:**

a)

BIL	TAHUN 2018	TAHUN 2017	TAHUN 2016	TAHUN 2015
1.	TETUAN MOHAMAD ROBANI BIN SAMSURI NO.FAIL : 301/18/1/2017/12	TETUAN NINTH SDN BHD NO.FAIL : 301/18/1/2016/40	TETUAN AZAHARI BIN DAUD NO.FAIL : 301/18/1/2014/12	1 <sup>ST</sup> MALLS DEVELOPMENT (M) SDN BHD NO.FAIL : 301/18/1/2013/09
2.	-	TETUAN JABALNUR PROPERTIES SDN BHD NO.FAIL : 301/18/1/2017/03	TETUAN HONHUB SDN BHD NO.FAIL : 301/18/1/2016/03	TETUAN ENSURE ALLIANCE SDN BHD NO.FAIL : 301/18/1/2014/18
3.	-	-	-	TETUAN PNSB & SERAMBI PADU SDN BHD NO.FAIL : 301/18/2/2014/34

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan PKNS dalam memajukan tanah hak milik PKNS di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Cadangan pelan konsep pembangunan di Bukit Belimbing, Kuala Selangor adalah seluas 60 ekar. Untuk makluman, tanah di Bukit Belimbing ini terdapat dua bahagian hakmilik tanah yang berasing iaitu Lot 2145 (49.67 ek) dan Lot 937 (10.33 ek).

Terdapat 3 Alternatif Pembangunan yang disediakan:

- i) Alternatif 1: 746 unit rumah
- ii) Alternatif 2: 692 unit rumah
- iii) Alternatif 3: 756 unit rumah

Bagi setiap pelan alternatif pembangunan yang disediakan, perancangan ini juga melibatkan pembangunan Rumah Selangorku sejajar dengan kehendak semasa di Kerajaan Negeri Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah permohonan bantuan Blueprint yang telah diluluskan bagi tahun 2017 - 2018?

**JAWAPAN:**

- a) Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi individu berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerima pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Inisiatif ini merupakan antara empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang bermatlamat mengupayakan masyarakat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.

Sehingga 24 Ogos 2018, sejumlah 3,652 orang telah menerima manfaat daripada program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2008. Bagi tahun 2017 dan 2018 pula, jumlah penerima manfaat bagi program ini adalah seramai 751 orang. Berikut merupakan ringkasan jumlah penerima manfaat bagi tahun 2017 dan 2018:-

<b>BIL.</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)</b>
1.	2017	472
2.	2018 (dikemaskini sehingga 24 Ogos 2018)	279
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>751</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak rumah yang telah dibina dan dibaikpulih yang telah diluluskan pada tahun 2017-2018 di Daerah Kuala Selangor? Mohon disenaraikan.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Permatang, sebanyak 14 permohonan telah diluluskan di bawah Program Bantuan rumah Kerajaan Prihatin bagi tahun 2017 sehingga kini merangkumi bantuan bina baru rumah dan baikpulih rumah di daerah Kuala Selangor sepertimana butiran di bawah. Walau bagaimanapun, untuk makluman bersama Yang Berhormat Permatang, pada tahun 2018, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) tidak merekod dan menerima sebarang permohonan di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin dari daerah Kuala Selangor. Permohonan di bawah program bantuan ini adalah terbuka kepada seluruh daerah di Negeri Selangor dan permohonan yang diterima adalah dipanjangkan dari Pejabat Daerah yang berkenaan.

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN DARI  
TAHUN 2017 – 2018**

TAHUN DAERAH	2017		2018	
	BINA BARU	BAIK PULIH	BINA BARU	BAIK PULIH
KUALA SELANGOR	5	9	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	14		-	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan terbaru Kerajaan Negeri pada tahun hadapan untuk memberdayakan PWB?

**JAWAPAN:**

a) dan b) dijawab bersekali

Pengujudan Pusat Wanita Berdaya (PWB) oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai pusat perkembangan potensi dan hub aktiviti wanita dalam komuniti disetiap 56 DUN secara tidak langsung menzahirkan keprihatinan dan sokongan Kerajaan Negeri terhadap usaha-usaha pemberdayaan warga Selangor terutamanya golongan wanita.

Melalui PWB, pelbagai aktiviti meliputi aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tidak terbatas dizahirkan oleh dan kepada golongan wanita, yang turut menjadi sumber penjanaan pendapatan kepada golongan sasaran yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat Sijangkang, buat masa ini tiada sebarang keperluan bagi pembinaan Kompleks Pusat Wanita Berdaya (PWB) memandangkan 56 PWB DUN yang diwujudkan ini menggunakan sumber-sumber sedia ada.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan di masa hadapan, Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan cadangan penubuhan kompleks tersebut untuk kesejahteraan dan manfaat golongan wanita di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : JOM SHOPPING SMUE**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan program Jom Shopping SMUE yang telah dihentikan sebelum ini?
- b) Jika ya, bilakah pelaksanaan program ini akan dibuat?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk meneruskan program Jom Shopping SMUE yang kali terakhir dilaksanakan pada bulan April 2014. Ini adalah kerana buat masa ini, sebahagian wargaemas masih boleh menikmati pelbagai manfaat semasa hidup dari pelbagai skim IPR lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti Jom Shopping perayaan, Air Percuma, Skim Peduli Sihat, Khidmat Bas Selangorku dan lain-lain manfaat IPR bagi mereka yang layak.
- b) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PENDAPATAN SETEMPAT**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tiada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan sehingga begitu ramai pendatang asing menjalankan perniagaan di premis-premis majlis tempatan?
- b) Pendatang tanpa izin menguasai hampir 60% tenaga kerja sektor pertanian. Apakah cadangan Kerajaan untuk memastikan anak muda berminat dalam sektor pertanian bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing?
- c) Sudah sekian lama Majlis Daerah Sabak Bernam mengalami defisit perbelanjaan. Apakah rancangan Kerajaan untuk membantu Majlis Daerah Sabak Bernam meningkatkan pendapatan?

**JAWAPAN:**

- a) PBT sentiasa mengambil tindakan terhadap penyewa premis yang gagal mematuhi perjanjian sewa termasuklah sewa atas sewa. Sekiranya dapat dibuktikan penyewa asal menyerahkan hak kepada pihak ketiga termasuk pendatang asing. Lesen penyewa asal akan ditarik dandisenarahitamkan dari menyewa premis PBT pada masa hadapan.
- b) Perkembangan sektor pertanian pada masa kini telah menyebabkan permintaan terhadap tenaga kerja juga semakin meningkat terutamanya pendatang tanpa izin. Kerajaan Negeri amat memandang serius perkara ini kerana penambahan bilangan pendatang tanpa izin boleh mengakibatkan persaingan dalam bidang pekerjaan dengan penduduk tempatan.

Oleh itu, sejak tahun 2015, Program Agro Generasi Muda Selangor (AGROGEMS) telah mula dilaksanakan dan berjaya melatih, memperkasakan serta memberikan maklumat awal kepada kepada seramai 1,200 golongan generasi muda samada sedang melaksanakan projek pertanian atau yang berminat untuk menceburi sektor pertanian. Melalui program ini, kursus dan seminar turut disediakan golongan generasi muda untuk mendalami sektor pertanian.

Melalui program tersebut juga, golongan generasi muda turut didedahkan dengan penggunaan teknologi-teknologi moden di dalam sektor pertanian seperti penggunaan *drone*, tanaman berkonsepkan fertigasi, konsep *plant factory* dan pelbagai lagi kaedah moden yang boleh memberikan galakan dan minat kepada golongan tersebut untuk menceburi bidang pertanian.

Dalam pada itu juga, pengeluaran hasil yang boleh menjana pendapatan yang tinggi (*high value crop*), persekitaran kawasan projek pertanian yang lebih kemas dan moden seperti projek tanaman berkonsepkan fertigasi serta menyediakan skim-skim insentif bagi membantu golongan tersebut untuk terus kekal di dalam sektor pertanian dan seterusnya menjadikan sektor pertanian sebagai satu sumber ekonomi yang untuk jangka masa panjang.

- c) Kerajaan Negeri sentiasa memantau kutipan Cukai taksiran bagi semua PBT bertaraf Bandaraya, Perbandaran mahupun Daerah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Negeri bagi memastikan kutipan memenuhi sasaran berikutan ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan geran-geran pembangunan seperti program pelancongan, pembangunan kampung baru dan kemudahan infrastruktur kepada PBT dengan memberi tumpuan kawasan luar bandar termasuk daerah Sabak Bernam.

Penyaluran geran-geran ini akan dapat mengurangkan perbelanjaan PBT dan seterusnya membantu pembangunan di PBT terutamanya MDSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KAWASAN SABAK**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek perumahan rakyat di Taman Air Manis Sabak Bernam yang dijalankan oleh PNSB dan apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan projek ini memberi nilai kepada penduduk setempat untuk diberi peluang memiliki rumah mampu milik tersebut?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina pintu gerbang yang memisahkan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak di kawasan Sabak?
- c) Kompleks Stadium Sabak Bernam mempunyai tanah yang belum dibangunkan. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membangunkan sebuah kolam renang awam bagi kegunaan penduduk Sabak?

**JAWAPAN:**

- b) JKR Selangor tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina pintu gerbang yang memisahkan antara Negeri Selangor dan Negeri Perak di kawasan Sabak.
- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor tidak berhasrat untuk membangunkan sebuah kolam renang awam bagi kegunaan penduduk Sabak Bernam berikutan kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor akan melihat keperluannya pada masa akan datang kerana Kerajaan Negeri perlu melihat beberapa aspek sebagai asas pertimbangan seperti permintaan dan kadar penggunaannya yang tinggi daripada penduduk setempat dan demografik yang strategik bagi pembinaan kolam renang ini supaya ianya bermanfaat kepada rakyat disamping tiada pembaziran dan tidak menjadi gajah putih.





**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PERTANIAN KAWASAN SABAK**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk kampung tradisi yang bergantung hasil kepada pertanian dan komoditi seperti kelapa, kelapa sawit, dan padi? Apakah Kerajaan Negeri ada menyediakan skim bantuan pemulihan tanah sawah yang sudah berasid akibat penggunaan racun dan baja?
- b) Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pengurangan hasil sawah padi akibat daripada serangan penyakit dan apakah alternatif Kerajaan bagi membantu pesawah supaya pendapatan mereka tidak terjejas akibat daripada serangan penyakit?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan sebanyak RM 1.08 juta bagi pembangunan industri kelapa dan RM 2.2 juta bagi program peningkatan hasil padi. Bagi program peningkatan hasil padi, salah satu aktiviti program ini adalah pemulihan tanah berasid. Jabatan Pertanian memberi bantuan dalam bentuk input kapur dengan kerja-kerja menabur dengan kadar 5 metrik tan per lot sawah (1.2 ha) bagi meningkatkan pH tanah daripada 4.5 kepada 6.5. Bagi tahun ini, kerja-kerja mengapur tanah sawah sedang dijalankan di kawasan Pasir Panjang Timur.
- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Selangor menyediakan peruntukan bagi tujuan kawalan makhluk perosak. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian turut menggiatkan penggunaan bahan organik dan mikrob bagi mengurangkan kebergantungan kepada racun kimia yang berbahaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : BANTUAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmana keberkesanan Program Bantuan Blueprint dan Program Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) dapat memberi manfaat kepada penduduk yang memerlukan dan sehingga kini berapa orang yang telah mendapat manfaat di kawasan DUN Sabak?
- b) Hadiah IPT merupakan satu produk IPR yang telah dinikmati oleh warga Selangor. Tetapi insentif ini hanya kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah RM3000 sahaja. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meluaskan pemberian insentif ini kepada semua anak Negeri Selangor yang berjaya ke IPT tanpa melalui syarat pendapatan RM3000?
- c) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam usaha menambahkan peluang pekerjaan di kalangan orang muda dalam kawasan DUN Sabak supaya golongan ini boleh membantu pembangunan di kawasan setempat?

**JAWAPAN:**

- a) Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan sebahagian daripada empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Kerajaan Negeri Selangor untuk mengupayakan masyarakat keluar daripada kitaran kemiskinan. Program ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Matlamat utama program ini ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Bagi tujuan untuk memantau serta mengenalpasti impak dan keberkesanan pelaksanaan program ini, satu Kajian Impak yang melibatkan penerima manfaat bagi tahun 2010 hingga tahun 2014 telah dijalankan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah. Hasil kajian impak tersebut mendapati bahawa 92.8% penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala hanya 0.3% penerima manfaat pula didapati pendapatan mereka semakin menurun dan 6.9% penerima manfaat pula tiada perubahan terhadap pendapatan mereka.

Berdasarkan rekod, sehingga 24 Ogos 2018, sejumlah 3,652 orang telah menerima manfaat daripada program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, seramai 94 orang daripada DUN Sabak yang telah menerima manfaat dengan kos perbelanjaan sebanyak RM276,400.00. Manakala bagi Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) yang merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor untuk meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM250,000.00 kepada setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Setiap pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan ialah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahwan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan

GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan

- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS) telah memberi manfaat kepada lebih 500 orang penerima daripada pelbagai bidang. Sehingga Ogos 2018 seramai 77 orang usahawan daripada Sabak Bernam telah menerima manfaat DUMS ini yang bernilai RM1,028,069.00. Walau bagaimanapun, prestasi jualan penerima bantuan akan dipantau selepas 6-12 bulan penerimaan bantuan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah di sembilan daerah di Negeri Selangor.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri melalui Institut Darul Ehsan (IDE) kini sedang melaksanakan Kajian Impak bagi Program Dana Usahawan dan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan dalam usaha mengkaji secara menyeluruh keberkesanan dan impak pelaksanaan program.

- b) Kerajaan Negeri telah membuat penambahbaikan bagi syarat permohonan Hadiah IPT pada tahun 2018 dengan meningkatkan syarat kelayakan pendapatan dari RM3,000.00 kepada RM5,000.00. Selain itu, kerajaan negeri juga menyediakan insentif lain kepada pelajar yang menyambung pengajian di peringkat diploma dan ijazah. Antaranya ialah bantuan sara diri sebanyak RM800.00 sebulan untuk tempoh 3 bulan sahaja bagi mereka yang melanjutkan pelajaran di Universiti Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa INPENS. Selain itu, biasiswa Selangorku juga diberikan kepada pelajar yang layak untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Program Peduli Siswa iaitu pinjaman boleh ubah dan bayaran balik tanpa faedah juga ditawarkan kepada pelajar yang layak di universiti awam di Selangor seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Insentif yang diberikan oleh kerajaan negeri ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan masalah kewangan malah menjadikan mereka lebih berdaya saing dan produktif.
- c) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program - program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan di kalangan orang muda di Negeri Selangor seperti berikut:

**i. Karnival Kerjaya – Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya (*Selangor Job Fair*) adalah hasil kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia yang telah memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) siri di lokasi berbeza sepanjang tahun 2017 dan telah berjaya melibatkan jumlah pengunjung seramai 3,416 orang dengan menawarkan sebanyak 5,782 kekosongan jawatan. Kesan dari pelaksanaan program ini, seramai 847 orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan pada hari tersebut.

**ii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional Percuma**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang.

**iii. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) adalah sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendol dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinik Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal.

**iv. Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES)**

Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

v. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor.

Program IKTISASS ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada belia untuk memantapkan kemahiran teknikal bagi menjamin kebolehpasaran belia dalam industri dan membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : PERBANYAKKAN PUSAT DIALISIS DI KAWASAN SABAK**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah perancangan Kerajaan bagi menambah pusat dialisis khususnya di Sabak Bernam berikutan penambahan mendadak pesakit yang memerlukan rawatan?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa ini, terdapat 4 buah pusat rawatan dialisis yang terdapat di daerah Sabak Bernam iaitu seperti senarai berikut:

1. **PUSAT DIALISIS DAVITA SABAK BERNAM**  
PT 1277, Taman Feri, Jalan Feri, 41200 Sabak Bernam
2. **PUSAT DIALISIS DAVITA SUNGAI BESAR**  
No.4&5, Jalan Gemilang 1, Taman Gemilang, 45300 Sungai Besar
3. **PUSAT DIALISIS MAIS**  
No 17 & 19, Jalan Perwira 2, Taman Perwira,45300 Sungai Besar
4. **PUSAT DIALISIS DAVITA SABAK BERNAM**  
No.9 & 11, Jalan Menteri, 45200 Sabak Bernam

Bagi menampung keperluan pesakit dialisis yang terdapat di daerah Sabak Bernam, Kerajaan Negeri juga membenarkan pesakit memilih pusat rawatan yang berhampiran dengan kediaman bagi memudahkan urusan rawatan termasuklah pusat rawatan dialisis yang berada di daerah serta negeri yang bersempadanan seperti daerah Kuala Selangor dan negeri Perak. Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri tidak mempunyai pusat dialisis. Pusat dialisis kerajaan adalah yang terdapat di hospital-hospital kerajaan. Semua pusat dialisis perlulah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Sebaagi sebuah Kerajaan prihatin, Kerajaan Negeri memberi bantuan bagi menampung kos rawatan dialisis di bawah program Bantuan Sihat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : KERJA PEMBERSIHAN PARIT**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan untuk menyerahkan tugas pembersihan parit daripada MPKK kepada JPS bagi menambah baik kualiti pembersihan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, kerja-kerja pembersihan parit masih dibawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran melalui kerja-kerja sebutharga secara inden dan juga kerja undi. Namun begitu, terdapat beberapa kawasan kerja pelaksanaan akan dijalankan oleh MPKK sekiranya mereka berjaya membida di dalam proses sebutharga yang dijalankan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : CERAMAH UNSUR POLITIK**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Boleh berikan statistik berapakah bilangan penceramah yang diambil tindakan kerana menyampaikan ceramah atau kuliah mengandungi unsur politik kepartian?

**JAWAPAN:**

- a) Tiada tangkapan yang melibatkan penceramah yang menyampaikan ceramah atau kuliah mengandungi unsur politik kepartian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : JETI NELAYAN**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jeti nelayan yang berdaftar dan tidak berdaftar di bawah DUN Bukit Melawati dengan kapasiti penggunaan nelayan mengikut jeti masing-masing.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf semua jeti nelayan tersebut demi keselamatan para nelayan serta potensi pelancongan di Daerah Kuala Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan inventori yang dijalankan oleh Lembaga pada tahun 2016, berikut merupakan bilangan jeti nelayan di bawah DUN Bukit Melawati.

<b>Bil</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Jumlah pada tahun 2016</b>
1.	Bagan Pasir Penambang	15 jeti
2.	Bagan Sungai Yu	23 jeti
3.	Jeti Nelayan Tok 4 Majid	Tiada maklumat
4.	Jeti Nelayan Asam Jawa	1 jeti
5.	Jeti Nelayan Tg Keramat	9 jeti
6.	Jeti Nelayan Kg Sepakat	1 jeti
7.	Bagan Sg. Buloh	27 jeti
<b>Jumlah</b>		<b>76</b>

Walau bagaimanapun, semua jeti nelayan yang dibanci masih belum berdaftar dengan Lembaga. Oleh yang demikian, tiada maklumat berkenaan kapasiti nelayan bagi setiap jeti yang dinyatakan di atas.

- b) Tiada peruntukan bagi cadangan menaiktaraf semua jeti nelayan. Lembaga merupakan agensi '*regulatory*' yang mengeluarkan lesen jeti bagi mengawal pencemaran kepada sumber air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : MENANGANI GEJALA SOSIAL**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani gejala sosial khususnya di kawasan bandar?
- b) Apakah terdapat kajian pembangunan insan dan sosial bagi mengukuhkan institusi masyarakat dan keluarga di Negeri ini?
- c) Apakah terdapat peruntukan khas bagi pengusaha persendirian dan NGO bagi membantu menangani isu ini? Berapakah jumlahnya?

**JAWAPAN:**